

06/08/1999

Pemimpin pastikan negara aman

MIRI, Khamis - Rakyat pelbagai kaum di negara ini dapat hidup aman harmoni serta tidak bermusuhan antara satu sama lain berikutan kejayaan pemimpinnya menjalin kerjasama politik antara kaum sejak awal.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra, merintis jalinan kerjasama ini, sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan lagi.

Menurut Perdana Menteri, Tunku berpendapat bahawa hubungan rapat antara tiga kaum terbesar di Semenanjung iaitu orang Melayu, Cina dan India perlu diwujudkan.

"Tunku berpendapat adalah lebih baik kita bekerjasama daripada bersengketa, berlawan dan bermusuhan sesama kita. Kerjasama ini dibuat dalam satu gabungan parti politik yang bernama Perikatan.

"Inilah ciptaan Tunku, yang mana Perikatan pada mulanya mengandungi tiga parti iaitu Umno, MCA dan MIC yang mewakili orang Melayu, Cina dan India. Tiga parti ini bekerjasama dan bersetuju bahawa Malaysia harus mengamalkan sikap toleransi antara kaum dan agama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perhimpunan Bersama Rakyat di Dataran Kipas di sini, malam ini. Perhimpunan itu dihadiri lebih 20,000 penduduk pelbagai kaum di bandar ini.

Dr Mahathir berkata, beliau memperingatkan perkara ini kerana kadangkala rakyat sendiri lupa mengenai kebaikan yang wujud di negara ini.

(END)